

05/10/2003

OIC mampu selamatkan umat Islam

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA: Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mampu menyelamatkan umat Islam di seluruh dunia daripada tekanan yang dihadapi masa kini, sekiranya anggota pertubuhan itu benar-benar ingin melakukannya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, OIC yang terdiri daripada negara yang berpenduduk kira-kira 1.3 bilion, mempunyai faktor strategik dalam melindungi ummah terutama bagi menghadapi cabaran hebat zaman ini.

"Banyak perkara boleh dilakukan kalau dia (OIC) nak buat. OIC bukan negara miskin. Ia terdiri daripada negara-negara (Islam) yang kaya. Macam-macam ada pada OIC.

"Sebenarnya, kalau OIC nak betul-betul selamatkan orang Islam, mudah saja. Bagi saya, mudah... tetapi kalau tak mahu (buat), itu perkara lainlah," katanya kepada pemberita selepas menghadiri raptai sempena Sidang Kemuncak Persidangan Negara-Negara Islam ke 10, di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di sini, semalam.

Beliau ditanya pemberita mengenai peranan OIC dalam menghadapi tekanan Barat terutama dalam kes Iraq, yang diserang tanpa mendapat kelulusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Perdana Menteri berkata, beliau tidak berminat untuk menunding jari kepada mana-mana negara kerana apa yang lebih penting sekarang ialah perkara yang dapat dilakukan dalam melindungi umat Islam.

"Kita tidak akan ke mana-mana dengan hanya menuduh sesiapa tetapi saya lebih berminat mengenai apa yang kita boleh buat untuk diri kita (dan umat Islam)," katanya.

Sebelum ini, pada mesyuarat tidak rasmi OIC awal tahun ini, Dr Mahathir pernah mencadangkan supaya dunia Islam mengkaji menggunakan minyak sebagai senjata bagi menyekat Amerika Syarikat dan sekutunya menyerang Iraq.

Pada mesyuarat yang dihadiri 51 daripada 57 anggota OIC itu, mereka bersetuju mengkaji kemungkinan menggunakan minyak sebagai senjata untuk menghalang peperangan. Bagaimanapun, Amerika menolak cadangan berkenaan.

Mengenai persiapan menjelang sidang kemuncak itu, Dr Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan kemudahan yang ada di PCC tetapi menekankan agar segala peralatan teknologi canggih di pusat berkenaan dapat digunakan dengan baik.

"Saya lebih daripada puas hati. Ini persidangan yang canggih dan tak banyak tempat yang ada macam ini. Jadi, kita kena biasakan dengan semua peralatan di sini," katanya.

Ditanya mengenai ciri-ciri keselamatan yang ditekankan sepanjang persidangan berkenaan, Perdana Menteri berkata, pihak berkaitan sudah menjalankan persiapan rapi bagi memastikan keselamatan sepanjang sidang kemuncak itu.

Faktor keselamatan yang menjadi keutamaan sepanjang persidangan berkenaan, sudah bermula sejak sebulan lalu.